

DR. M JELAS

K-MMA BN

MCA, MIC tak cabar kedudukan Islam

KUALA KRAI, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan bahawa UMNO bekerjasama dengan MCA dan MIC kerana ahli parti-parti bukan Islam tersebut tidak memusuhi Islam.

Dalam menangkis tuduhan PAS yang mengatakan UMNO bekerjasama dengan golongan kafir dalam Barisan Nasional, Perdana Menteri berkata, PAS lebih dahsyat kerana berpakat 'secara sulit dan dalam gelap' dengan DAP yang terang-terang mencabar kedudukan Islam di negara ini.

Bellau berkata, tidak ada sebab mengapa UMNO tidak boleh bekerjasama dengan MCA dan MIC selagi kedua parti komponen BN tersebut tidak berhasrat memusnahkan Islam.

"MCA dan MIC tidak mencabar kedudukan agama Islam dan juga tidak menolak umat Islam di negara ini," katanya ketika membuka Sekolah Kebangsaan Sungai Peris dekat sini.

PAS yang sbek mendakwa hendak menelan orang-orang bukan Islam di negara ini' sebaliknya bekerjasama dengan sebuah parti yang terang-terang mencabar kedudukan Islam dan menghina penganutnya, katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang tiba di Kelantan pagi ini untuk lawatan singkat, juga mengulangi penjelasan serta pendedahan pakatan sulit PAS-DAP bila beliau membuka Masjid Kota Lana, kira-kira 24 kilometer dari Kota

Oleh AMIN OMAR

Bharu.

Bellau berkata demi mencapai pembangunan, adalah perlu bagi umat Islam bekerjasama dengan golongan bukan Islam selagi golongan tersebut tidak berniat memusuhi Islam.

Katanya, kira-kira 50 peratus penduduk Malaysia terdiri dari golongan bukan Islam dan umat Islam tidak mampu menghalau mereka.

Malah umat Islam mahu bekerjasama dengan mereka demi kepentingan bersama.

Golongan bukan Islam di negara ini terbahagi kepada dua golongan iaitu mereka yang mahu baik dengan umat Islam dan mereka yang bermusuhan dengan Islam.

Katanya, UMNO memilih untuk bekerjasama dengan mereka yang mahu berbaik-baik seperti MCA dan MIC.

Matlamat peribadi

Tetapi, DAP yang tidak dapat menerima tafsiran Bumiputera dan menyol peruntukan Kerajaan yang begitu banyak bagi perkembangan Islam, diajak berpakat oleh PAS yang pendokong-pendokongnya mendakwa hanya adalah parti mendaulatkan Islam.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan BN mengutamakan perasuaraan dalam Islam, bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga seluruh dunia dan Kerajaan akan terus berusaha ke arah itu.

Sambil menekankan betapa pentingnya umat Islam mendalami pengetahuan mereka tentang agama yang mereka anuti itu, beliau menyeru rakyat supaya jangan mudah terpengaruh dan berpecah-belah kerana fahaman politik.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2629
No. Penerimaan 374/85